

Ambil langkah berjaga-jaga hadapi panas melampau

KUALA LUMPUR 15 Mac - Kerajaan akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu bagi menghadapi cuaca panas melampau melanda negara pada waktu ini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, Kementerian Pendidikan juga akan memantau keadaan itu dari semasa ke semasa.

Jelas beliau, sekiranya keadaan panas melampau berterusan selepas cuti sekolah minggu ini, Kementerian Pendidikan akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup atau terus dibuka bagi menjaga kesihatan para pelajar.

“Buat masa kini, langkah sedia ada adalah memberi kuasa mengikut budi bicara pengetua serta guru besar untuk membatalkan aktiviti luar kelas jika keadaan memaksa.

“Andai terdapat gejala-gejala penyakit berkaitan cuaca panas dan gelombang haba seperti sakit kepa-

la, ekzema pada kaki, denyutan jantung yang cepat, ruam panas, kekejangan otot atau sakit badan, segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital kerajaan berdekatan,” katanya menerusi akaun Facebook miliknya di sini hari ini.

Selain itu, tambah Perdana Menteri, orang ramai dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap risiko kebakaran terutamanya di kawasan kering seperti padang permainan berdekatan rumah, ladang, belukar dan hutan.

Katanya, kesihatan serta keselamatan perlu sentiasa diutamakan.

“Saya memandang berat kesan dan akibat daripada cuaca panas melampau yang melanda negara sejak kebelakangan ini.

“Gelombang haba yang berlaku juga boleh mendatangkan bahaya terutamanya kepada kanak-kanak dan golongan tua,” ujarnya.



Sekiranya keadaan panas melampau berterusan selepas cuti sekolah minggu ini, Kementerian Pendidikan akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup atau terus dibuka bagi menjaga kesihatan para pelajar.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri